

Sultan Selangor Zahir Ucapan Takziah Kepada Keluarga Aishah Ghani
Bernama
19 April, 2013

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini menzahirkan ucapan takziah kepada anggota keluarga veteran Umno Tan Sri Aishah Ghani yang meninggal dunia Jumaat.

Baginda bertitah sepanjang hayat beliau, Allahyarham banyak menabur bakti kepada rakyat Selangor dan Malaysia.

"Moga-moga Allahyarham mendapat ganjaran yang setimpal dengan bakti yang telah dikorbankan kepada masyarakat," baginda dipetik sebagai bertitah dalam kenyataan yang dikeluarkan Orang Besar Daerah Gombak merangkap Anggota Dewan Diraja, Tan Sri Wan Mahmood Pawan Teh.

Aishah, 90, meninggal dunia pada 12.50 tengah hari di Hospital Gleneagles Kuala Lumpur di sini setelah dimasukkan sejak Jumaat lepas kerana kesihatan yang tidak stabil.

Aishah merupakan wanita pertama Malaysia yang dilantik menjadi Senator dan wanita kedua yang menjadi menteri selepas negara mencapai kemerdekaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943594>